


Benda yang pelik berlaku di bandar saya

Cerita sosial untuk kanak-kanak tentang penyakit coronavirus



By Dr. Shu-Chen Jenny Yen
Malay Translated by Amanda Ho Yean Wei

Illustrated by GLOPO.JCCREATION AND ART CENTER




Pengenalan

Buku ini adalah untuk ibu bapa, penjaga dan pendidik untuk membantu kanak-kanak yang berumur 3 hingga 8 tahun memhamai tentang penyakit coronavirus.

Pada masa ini, kanak-kanak akan berasa takut terhadap penyakit coronavirus. Tambahan pula, kanak-kanak pun tidak tahu apakah sebabnya mereka tinggal di dalam rumah dan juga apa yang telah terjadi dalam dunia ini.

Oleh itu, cara yang paling sesuai untuk penjaga membantu kanak-kanak memahami penyakit melalui kongsi maklumat yang sesuai berdasarkan umur kanak-kanak dan juga menjaga keselamatan kanak-kanak. Selain itu, adalah penting untuk kanak-kanak mengetahui yang rakyat sedang berusaha untuk berjuang dengan penyakit coronavirus.




Sesuatu yang pelik telah berlaku di bandar
saya.

Saya tidak dapat pergi ke sekolah, taman,
atau rumah kawan saya untuk bermain.


Ibu bapa saya tidak boleh bekerja. Nenek
saya tidak boleh pergi membeli belah.
Jalan ini sangat sunyi.

Saya berasa pelik dan bertanya diri sendiri
di mana semua orang berada.



Orang yang muncul dalam televisyen memakai topeng muka.

Doktor dan jururawat yang muncul dalam televisyen juga memakai baju yang menutup badan mereka dari atas ke bawah.





Ibu, adakah bandar kita telah mengalami demam?
Adakah bandar kita jatuh sakit?

Mengapakah semua orang nampak sedih?


Mengapakah semua orang berasa marah dan
kecewa?

Mengapakah saya tidak dapat nampak muka yang
gembira?


Betul, anakku, bandar kita telah jatuh sakit.

Covid-19 adalah virus yang menyebabkan orang jatuh sakit. Selain itu, ia juga menyebarkan penyakit dengan cepat di dunia ini.

Malangnya, bandar kita telah didapati menjangkit virus ini.



Ibu, mengapakah kita tidak pergi ke klinik untuk mengambil suntikan dan ubat daripada doktor?



Pada masa kini, ramai orang telah jatuh sakit.

Semua doktor dan jururawat bekerja setiap hari, dari pagi hingga malam. Tetapi, doktor dan jururawat juga tidak mampu menolong orang yang perlu pertolongan.

Saintis juga menggunakan masa dan tenaga mereka untuk menghasilkan suntikan yang dapat mencegah penyakit itu, tetapi is memerlukan masa yang panjang.


Ibu, adakah saya akan jatuh sakit?




Anakku, ada kemungkinan yang semua orang akan jatuh sakit.

Tetapi, saya ada cara yang boleh menjaga kesihatan kamu.

Benar, apakah cara itu? Saya ingin tahu, sila beritahu saya...






Kita akan cuba sesuatu benda yang baru iaitu “Jarak Sosial”.


Apakah maksudnya?

Contohnya, kamu akan tinggal dalam rumah jika kamu tidak berasa sihat.

Pada masa ini, kita akan tinggal dalam rumah supaya kita tidak akan menjangkiti virus ini.

Dan juga, kita tidak akan berjumpa dengan orang lain supaya kita tidak menyebarkan virus ini kepada orang lain.





Kita mesti menjarakkan diri sendiri dengan orang yang sakit jika kita berada di luar.

Kita tidak boleh sentuh benda yang lain, dan sentuh muka, mulut dan mata kita.


Kita juga perlu basuh tangan dengan sabun dan air suam sebanyak 20 saat untuk membasuh tangan kita dari virus.

Ibu, saya rasa saya dapat membuat perkara ini.

Adakah ini sahaja yang saya perlu buat?"

Anakku, jangan risau! Jika semua orang dapat jarakkan diri sendiri dengan orang lain, virus ini tidak dapat disebarluaskan kepada orang lain.

Ibu, bapa, datuk dan nenek juga akan cuba yang terbaik untuk melindungi kamu supaya virus tidak akan mendekati kamu!




Selain itu, ibu ada rahsia hendak beritahu kamu.

Saintis mendapati sistem imun kanak-kanak adalah kuat berbanding dengan sistem imun orang dewasa, dan juga dapat mencegah virus tersebut.

wow! Jadi saya dapat mengalahkan virus ini! Ya!





Dengan Jarak Sosial, adakah saya tidak boleh bermain dengan kawan-kawan saya?



Anakku, kamu boleh bermain dengan kawan-kawan kamu!

Kamu boleh menelefon, mesej, emel dan panggilan video dengan kawan-kawan kamu.



Kamu juga boleh menonton wayang dan video dengan kawan-kawan kamu melalui talian.



Ibu, berapakah lama yang saya perlu tunggu untuk bermain dengan kawan saya di luar?

Bilakah virus ini akan hilang?


Adakah ramai orang akan meninggal dunia ini?




Anak kesayanganku, saya tidak tahu.

Tetapi semua doktor and jururawat telah berusaha dan mereka tidak putus asa terhadap orang yang jatuh sakit.


Sesetengah doktor dan jururawat tidak pulang ke rumah untuk beberapa hari dan juga tiada peluang untuk jumpa anak mereka.





Adakah anak doktor berasa sedih kerana
tiada peluang untuk jumpa ibu bapa mereka?






Ya, mereka berasa sedih kerana mereka
tiada peluang untuk jumpa ibu bapa
mereka seperti kita.

Tetapi, mereka pun berasa bangga untuk
ibu bapa mereka kerana ibu bapa
mereka mempunyai keberanian untuk
melawan virus ini dan menyelamatkan
hidup orang.

Wa, hebatnya mereka!

Mereka adalah WIRA SAYA!






Ramai wira sedang berusaha untuk melawan virus ini.

Saintis juga berusaha untuk menghasilkan suntikan.

Pengantar makanan juga menghantar makanan kepada orang yang tidak dapat membeli makanan dari luar.

Wartawan juga kongsi maklumat kepada kita melalui televisyen, suratkhabar, dan talian.


Ramai orang bekerja dengan berusaha untuk memastikan keselamatan orang.





WA, HEBATNYA MEREKA!

Ibu bapa akan menderma duit untuk membeli topeng muka, sarung tangan, alat perubatan dan lain-lain lagi supaya doktor dan jururawat dapat menggunakan untuk menjaga keselamatan mereka semasa mereka merawat pesakit.







Apakah yang saya boleh tolong?

Apakah yang anda fikir?

Saya boleh melukis dan menulis surat untuk orang dewasa yang sedang memberi pertolongan kepada orang lain.

Saya boleh kongsi alat permainan dan buku cerita saya kepada kanak-kanak yang memerlukan.






Ini adalah idea yang baik! Anakku,
kamu ada hati yang baik dan mulia.

Mari kita memberi pertolongan
kepada kanak-kanak yang
memerlukan pertolongan kita!

Ini adalah pertempuran yang kita akan menghadapi dan semua orang akan berusaha untuk melawan virus ini bersama-sama.

Memastikan kesihatan diri sendiri adalah sihat dan tidak menyebarkan virus ini adalah cara yang baik untuk melawan virus ini.



Baiklah, saya akan kerap basuh tangan, tinggal di dalam rumah dan membuat perkara melalui talian.

Kita tidak perlu pergi ke hospital jika kita tinggal di dalam rumah, supaya doktor dan jururawat boleh merawat orang yang jatuh sakit.



Mari kita melawan virus ini bersama-sama
dengan amalkan cara “Jarak Sosial”!

Baik ibu, jumpa lagi di FaceTime!




Nota untuk ibu bapa


Kanak-kanak perlu orang yang dapat menjamin keselamatan mereka semasa sesuatu yang seram sedang berlaku. Ibu bapa perlu menunjukkan kasih sayang terhadap anak-anak pada masa yang sukar ini. Kita hendak menolong kanak-kanak menggunakan social media untuk berhubung dengan kawan mereka semasa “Jarak Sosial” sedang melaksanakan.

Dan juga, kita juga mengalakkan kanak-kanak untuk memberi penghormatan kepada wira-wira kita dan juga menyumbang masa dan tenaga untuk melawan virus ini. Lagipun, “menjaga diri sendiri dan tidak menyebarkan virus” adalah pembuatan yang baik!






Nota untuk ibu bapa



Kanak-kanak perlu orang yang dapat menjamin keselamatan mereka semasa sesuatu yang seram sedang berlaku. Ibu bapa perlu menunjukkan kasih sayang terhadap anak-anak pada masa yang sukar ini. Kita hendak menolong kanak-kanak menggunakan social media untuk berhubung dengan kawan mereka semasa “Jarak Sosial” sedang melaksanakan.

Dan juga, kita juga mengalakkan kanak-kanak untuk memberi penghormatan kepada wira-wira kita dan juga menyumbang masa dan tenaga untuk melawan virus ini. Lagipun, “menjaga diri sendiri dan tidak menyebarkan virus” adalah pembuatan yang baik!



Nota tentang penulis

Dr. Shu-Chen “Jenny” Yen adalah profesor profesor di Jabatan Pengajian Kanak-kanak dan Remaja, Universiti Negeri California, Fullerton. Dia mencipta dan berkongsi kisah sosialnya yang pertama dengan orang ramai untuk serangan 911 oleh penganas al-Qaeda Amerika Syarikat pada 11 September 2001. Setakat ini, beliau telah mencipta beberapa kisah sosial untuk mangsa-mangsa muda yang terjejas oleh taufan, gempa bumi, ribut taufan di Taiwan, China, Filipina, Puerto Rico, dan Amerika Syarikat. berwaspada, dia berharap kisah sosial ini dapat membantu kanak-kanak yang tinggal di kawasan yang terjejas mencari cinta dan keberanian. Beliau adalah penerima Anugerah PEACE 2018 dari Pendidik Keamanan yang Sekutu untuk Kanak-kanak Di Mana-mana (PEACE) Dia dicalonkan oleh Pendidik Bilik Damai Komuniti (EPCC) untuk Anugerah Pendidik Awal Kanak-kanak Tahun 2020, Persatuan California bagi Pendidikan Kanak-Kanak Muda (CAAEYC).

Pengiktirafan

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada orang-orang berikut kerana memberi maklum balas mengenai cerita ini: Dr. Kathy Thornburg, Dr Sandy Baba, Dr Feiyan Chen, Dr. Cary Larson-McKay, Tom Pfaff, dan Tina Pfaff. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada anak-anak yang membantu menguji cerita: Austen Liu, Allison Yu, Caitlyn Yu, Calvin Pfaff, Simon Pfaff, dan Luke Pfaff. Terima kasih banyak kepada anak perempuan saya, Angela Lee, kerana dia berhati-hati menyunting cerita itu; anak saya, Eric Lee, kerana bacaannya yang terperinci; dan suami saya, Michael Lee, kerana kelaparan supaya saya dapat menyelesaikan cerita ini. Terakhir, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada unsplash.com untuk semua imej yang digunakan.

Forum Minat NAEYC Asian ingin memberikan terima kasih kepada Amanda Ho Yean Wei dan Tiew See Jiea kami atas sokongan mereka dalam menterjemahkan buku ini ke dalam Malay language.

Hak Cipta © 2020 oleh Shu-Chen Yen. Hak cipta terpelihara. Buku ini atau mana-mana bahagian tidak boleh diterbitkan semula, dilabelkan semula, atau digunakan dalam apa jua bentuk komersial tanpa kebenaran bertulis daripada pengarang. Kebenaran tidak diperlukan untuk penggunaan peribadi atau profesional (mis., Tetapan bilik darjah). Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Shu-Chen Yen di syen@fullerton.edu.

Semua ilustrasi adalah karya pro bouno untuk buku ini, bukan untuk tujuan komersial. Hak Cipta 2020 oleh GLOPO.JCCREATION AND ART CENTRE. Hak cipta terpelihara. Segala bentuk pambiakan semula atau penempatan semula tanpa kebenaran adalah tindakan yang menyalahi undang-undang. Untuk maklumat lebih lanjut, sila hubungi GLOPO.JCCREATION AND ART CENTRE di work@jccaac.com.